



**UNDANG-UNDANG  
PENTADBIRAN WAKAF  
GLA 5033**

# WAKAF

- 1. Bahasa- awqaf-penahanan.**
- 2. Menahan harta benda yang kekal bentuk zatnya yang manfaatnya dapat digunakan untuk amalan kebajikan dan menyerahkannya kepada pihak yg ditentukan oleh syarak serta penggunaannya mengikut syarat2 tertentu atau ia merupakan penahanan ke atas harta yg blh dimanfaatkan dan penghasilan harta itu blh digunakan bagi tujuan mubah tanpa menghabiskan harta asalnya.**

# Wakaf Bwh Enakmen

- S 2-menyeraikan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.
- Elemen kekal tiada.

# Pensyariatan Wakaf

- Wakaf disyariatkan sejak zaman Rasulullah SAW dan sahabat.
- Hadith- Umar tlg terima tanah dikhaibar dan menemui Rasulullah. Jika engkau suka tahanlah tanah itu dan sedekahkan manfaat atau hasilnya. Umar tlg wakafkan dgn syarat tanah tak blh jual, dibeli, dipusakai dan dihibahkan. Umar wakafkan kpd fakir miskin.
- Hadis- tiga amalan tidak terputus.

# Elemen Wakaf

- Tempoh masa wakaf- kekal
- Kategori harta diwakafkan-hukum syarak.
- Benefisiari- orang ramai, anak yatim.
- Tujuan harta diwakafkan-dgn syarat atau tanpa syarat.

# Bahagian Wakaf

- Wakaf terbahagi kepada 2 :
  1. Wakaf Ahli (wakaf keluarga)
    - Iaitu wakaf yang memberi manfaat kepada keturunan Wakif atau keturunan Maukuf Alaihi seperti anak cucu dan turun temurun.
  2. Wakaf Khairi ( Kebajikan )
    - Terbahagi kepada 2,
      1. AM  
iaitu wakaf yang manfaatnya am yang boleh digunakan oleh semua orang islam seperti wakaf masjid surau.
      2. Khas  
wakaf yang manfaatnya dikhususkan kepada Jihah tertentu seperti madrasah, rumah anak yatim dan sebagainya

# Wakaf AM

- Pemberian kekal ttg modal dan pendapatan harta bagi maksud agama atau kebajikan diakui oleh hukum syarak.
- Wakaf memberikan manfaat pada orang ramai.
- Enakmen Pentadbiran seksyen 2.

# Wakaf Khas

- Pemberian kekal ttg modal harga bagi maksud agama atau kebajikan diakui hukum syarak, termasuk keuntungan dan manfaat harta itu diberikan kpd seseorang atau bbrp org bagi maksud tertentu.
- Wakaf kpd seseorang atau tertentu.
- Enakmen Pentadbiran seksyen 2.



# Prinsip Wakaf

- Wakaf khas hendaklah disahkan oleh Sultan-
- Wakaf khas maradul maut dibuat secara bertulis dan disaksikan- s111 (2) (g) EPentabiran Pahang
- Wakaf tidak blh dijual
- Harta wakaf tidak blh dihibahkan
- Harta wakaf tidak blh diwarisi. s 4 (2) EWSngor.Hadith kisah Umar.

# Pentadbiran Wakaf

- Diletak di bawah MA Islam dengan kuat kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam
- Mentadbir harta-harta Wakaf.
  - Mendaftar harta-harta Wakaf.
  - Mengagih harta-harta Wakaf mengikut tujuan yang telah ditentukan oleh pewakaf.

# Perlembagaan

- Jadual 9 senarai 2-hukum syarak berkaitan wakaf- negeri.
- Wakaf dibwh senarai negeri-mah shariah.

# Peruntukan Wakaf

- Enakmen negeri2, kaedah dan peraturan wakaf.
- Johor-kaedah wakaf 1983.Enakmen Wakaf 1973. Tlh dimansuhkan dan dimasukkan ke dlm Enakmen Pentadbiran 1978.
- Selangor-Enakmen Wakaf 1999- 50 seksyen, 9 bahagian.
- Enakmen Wakaf Melaka 2005

## Definisi s2

- "wakaf" ertinya menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949;

# Definisi s2

- "mawquf" ertinya harta wakaf;  
"mawquf-alaih" ertinya orang yang berhak menerima apa-apa manfaat atau faedah daripada mawquf itu;
- "saham wakaf" ertinya pewujudan suatu wakaf melalui saham-saham yang ditawarkan dan kemudiannya diwakafkan oleh pembeli kepada Majlis

# Samb.....

- "wakaf am" ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;

"wakaf khas" ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak;

"waqif" ertinya orang yang mewujudkan wakaf.

# Seksyen3

- - Pewujudan wakaf.
- (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya kemudian daripada ini, seseorang yang telah mencapai umur lapan belas tahun, sempurna akal dan rasyid boleh mewakafkan hartanya untuk apa-apa tujuan khairat menurut Hukum Syarak.  
(2) Sesuatu wakaf boleh diwujudkan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas.  
  
(3) Wakaf hendaklah diwujudkan melalui sighth di hadapan dua orang saksi menurut Hukum Syarak.



# SEKSYEN 6

- Pendaftaran wakaf.
- Tertakluk kepada seksyen 4, setiap wakaf hendaklah secepat mungkin yang boleh didaftarkan dalam apa-apa bentuk atau cara yang telah ditetapkan oleh Majlis.

# Seksyen 7

- Wakaf oleh seseorang yang dalam keadaan marad al-maut.
- Seseorang yang dalam keadaan marad al-maut tidak boleh mewakafkan lebih daripada satu pertiga hartanya kepada mana-mana orang selain daripada warisnya.

# S 11 - Ketiadaan mawquf-alaih

- **(1) Jika, dalam suatu wakaf- (a) waqif tidak menamakan mawquf-alaih; (b) mawquf-alaih telah mati; atau (c) mawquf-alaih tidak dapat dikesan dalam tempoh empat tahun selepas berkuat kuasanya wakaf, wakaf itu hendaklah menjadi wakaf am melalui pemberitahuan oleh Majlis dalam Warta.**

**(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), mana-mana mawquf-alaih yang wakafnya telah diwartakan oleh Majlis sebagai wakaf am di bawah subseksyen (1)(c) boleh memohon satu perintah Mahkamah untuk menjadikan wakaf tersebut sebagai wakaf khas semula.**

**(3) Mawquf-alaih tidak berhak ke atas apa-apa manfaat atau faedah mawquf itu sebelum satu perintah di bawah subseksyen (2) dibuat.**

## 13 - Wakaf tak sah.

- Sesuatu wakaf adalah tidak sah jika-  
(a)dalam hal wakaf taklik, sebelum syarat taklik yang dikehendaki itu dipenuhi semasa hayatnya, waqif mati;(b)ia dibuat bagi apa-apa tujuan maksiat;(c)ia dibuat kepada mana-mana orang bagi tujuan yang bukan untuk menghampirkan diri kepada Allah;(d)ia dibuat untuk manfaat atau faedah diri sendiri; atau(e)ia bertentangan dengan Hukum Syarak atau mana-mana undang-undang bertulis.

# 15 - Syarat-syarat mawquf

- (1) Mawquf hendaklah suatu harta yang-
- (a) dimiliki oleh waqif; (b) tidak terhalang; dan (c) boleh memberi manfaat atau faedah.

## 21 - Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

- Majlis hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Wakaf yang akan mentadbir dan menguruskan semua perkara yang berhubungan dengan wakaf di Negeri Selangor.

## 24 - Kuasa Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

- Jawatankuasa Pengurusan Wakaf hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut- (a) untuk menjalankan apa-apa arahan, dasar, ketetapan dan keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubung dengan apa-apa mawquf; (b) untuk mengawalselia, mengatur, mengurus dan mentadbir mawquf; (c) untuk membangun, memaju dan meningkatkan mawquf; (d) untuk mentadbir Kumpulan Wang Wakaf; dan (e) untuk menjalankan apa-apa kuasa lain atau fungsi yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

## 32 - Majlis sebagai pemegang amanah tunggal

- Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh sesuatu wakaf, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada am atau khas, yang terletak di dalam Negeri Selangor



## 33 - Kuasa Majlis dalam pembelian harta

- (1) Majlis boleh membeli apa-apa harta bagi tujuan wakaf dengan menggunakan wang daripada-  
(a) Kumpulan Wang Wakaf;  
atau (b) Baitulmal.  
(2) Apa-apa harta yang dibeli di bawah subseksyen (1) (b) hendaklah dianggap menjadi suatu wakaf.

## 45 - Menceroboh ke atas tanah wakaf

- **Mana-mana orang yang tanpa kebenaran (1) Majlis- (a)menduduki, atau membina apa-apa binaan atau struktur di atas mana-mana tanah wakaf;(b)membersih, membajak, menggali, mengepong atau menanam tanaman di atas mana-mana tanah wakaf atau sebahagiannya; atau(c)memotong, mengambil atau mengeluarkan apa-apa hasil atas atau daripada tanah wakaf itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal kesalahan berterusan, didenda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.**

## 49 - Fatwa dikehendaki untuk pembangunan harta wakaf.

- Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak untuk keputusannya berhubung dengan pembangunan mana-mana mawquf sekiranya ia melibatkan persoalan Hukum Syarak yang belum terputus atau yang menimbulkan pertikaian.

# Majlis Sbg Pemegang Amanah

- Pemegang amanah (ALMUTAWALLI) Harta wakaf.
- S 61 APUIWP 1993- pemegang amanah tunggal sole trustee.
- Tidak ada peruntukan- Majlis blh dipecat jika tak urus harta wakaf dgn baik.

# Hajjah Mahani lwn MAITganu 1996

## 3 AMR

- Hakim Mah Tinggi Tganu-plaintif tlh gagal menunjukkan kpd mahkamah mrk mempunyai hak undg2 bg mendapatkan akaun pentadbiran wakaf. Permohonan mandamus ditolak.

# Fungsi Majelis Agama Islam

- Memproses permohonan wakaf daripada Pewakaf.
  - Memelihara harta Wakaf.
  - Memastikan harta wakaf menepati sighthah pewakaf
  - Memungut hasil daripada harta Wakaf.
  - Menyewa / memajak hartanah yang berpotensi untuk dimajukan.

# Perletakan tanah wakaf dan pendaftaran

- Enakmen- semua harta wakaf slps pendaftaran di bwh NLC tltk kpd Majlis. S 48 (3) EWSngor 1999.
- (Isu: Tak perlu peruntukan ini)
- Majlis btgjwb memastikan mawquf terletak hak kpdnya.
- Siasatan dijlnkan pastikan mawquf dlm keadaan baik.

# G Rethinasamy lwn MUIP 1993 2 MLJ

- Kubur org Islam dan bangunan, tanah nama atas Rethinasamy.
- Tanah dipertikaikan adlh tanah wakaf walaupun didaftarkan atas nama pihak lain berdasarkan penggunaannya yang lama utk tujuan agama dan ibadat disamping pemakaian doktrin estoppel (90 tahun).
- S 340 NLC-indefeasible of title tidak terpakai.



# Bidangkuasa Mahkamah

- Mah Shariah. Kena lihat subject matter bkn kepada remedi yg dipohon.
- Org Islam shj s 42 EP 1989 Sngor..
- Badan Korporat ? Majlis Agama Islam? Perbadanan dibwh Persekutuan.
- Jadual 9, Senarai 2- perbadanan dibwh undg2 negeri berkaitan agama Islam dan khairat dlm bidangkuasa mah. Sh.

# MUIP V Shaik Zolkafly Shaik Natar 2003 3 MLJ

- Mah Tinggi dan rayuan salah krn melihat remedi yg dipohon iaitu mengatakan mah sy tiada kuasa mengeluarkan perintah injunksi.
- Mah.. Sh ada bidang kuasa tetapi hanya melibatkan org Islam shj.

# Istibdal

- Keluarkan harta wakaf yg diwakafkan drpd syarat asal pewakaf utk ditukarkan dgn harta lain dgn harta kedua ini akan dijadikan wakaf bg menggantikan harta asal. S 2(1) EWSngor.
- Pntg: Akta Pengambilan Tanah 1960-PBN blh ambil tanah utk pembangunan.

# Istibdal oleh Majlis

- "istibdal" ertinya menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tingginya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut Hukum Syarak; S 19 - Kuasa Majlis untuk istibdal.
- Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa mawquf dalam keadaan berikut-  
(a)mawquf telah diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis;(b)kegunaan mawquf tidak lagi mendatangkan manfaat atau faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh waqif; atau(c)kegunaan mawquf tidak menepati tujuan wakaf.

## Samb...

- "Kumpulan Wang Wakaf" ertinya kumpulan wang yang terdiri daripada semua wang dan harta yang diwakafkan atau apa-apa hasil yang diperolehi daripada mawquf atau melalui istibdal;

# Isa Abd Rahman Iwn MAIP 1995

## 10 JH

- MAIP-pemegang amanah nak roboh masjid jamek simpang enam utk digantikan dgn bangunan 5 tingkat. Pihak JKUASA Masjid tak benarkan. Pohon injunksi berkekalan. Hanya mah sivil blh beri injunksi kekal. S 51 (2) ARS 1950.
- Kena dptkan fatwa mutakhir oleh MFK. Masjid ini tidak dirobohkan ttp telah diluaskan.
- (Istibdal blh dgn syarat pandangan mufti diperolehi.

# Fatwa Mufti ttg Wakaf

- Enakmen- semua harta wakaf slps pendaftaran di bwh NLC tltk kpd Majlis. S 48 (3) EWSngor 1999.
- Adakah fatwa mufti mengikat mah. Dlm kes wakaf.

## Tengku Mariam lwn PHEAIT 1969 1 mlj 110

- Wakaf didaftarkan-
- Mah tinggi- wakaf tidak sah kerana pemberian kekal kpd keluarga dan pemberian segera kpd kebajikan dan pemberian terakhir kpd kebajikan adlh khayalan dan pewakaf menentukan kuasa utk membatalkan sesuatu wakaf bertentangan dgn prinsip asas yang ditentukan wakaf.



# Samb...

- Wakaf kpd keluarga tidak sah krn keputusan privy council menetapkan demikian.
- Jika ada perundangan baru dibuat utk sahkan wakaf itu- wakaf itu adlh sah.
- Fatwa Mufti Tganu- 1966 diwartakan. Fatwa tdk mengikat mah sivil.

# Hj Embong v Tengku Nik Maimunah 1980 1 mlj 110

- Enakmen mengesahkan wakaf 1972 kesan retrospective.
- Wakaf sah.
- Keputusan Kes sblm ini tlh dibatalkan.

# Re Dato Bentara Luar 1981 2 mlj 352

- Wakaf kpd keluarga di Johor adalah sah.
- Fatwa mufti hendaklah diterima.

# Thank You



**Zulkifli Bin Hasan**

**Lecturer Faculty of Syariah & Law**

**E-mail: [zul361977@yahoo.com](mailto:zul361977@yahoo.com)**

**Tel. No: 06-79888541**

**H/Phone No: 019-6698514**